

18/10/2002

Ibrahim tidak harus persoal keputusan Dr Mahathir

Khairul Anwar Rahmat

KUALA LUMPUR, Khamis - Ketua Umno bahagian Pasir Mas, Datuk Paduka Ibrahim Ali tidak harus mempersoalkan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu bersara mulai Oktober tahun depan.

Ketua Pemuda Umno Kelantan, Rujhan Salleh, berkata semua pihak termasuk Ibrahim perlu menghormati keputusan Dr Mahathir yang ingin bersara dan menyerahkan tugas kepada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, Ibrahim tidak perlu mengeluarkan kenyataan yang boleh menimbulkan spekulasi berhubung peralihan kepemimpinan yang sudah dirancang dengan baik.

"Dr Mahathir sudah berulang kali menyatakan hasrat untuk bersara dan terbaru ketika ditemuramah CNN. Justeru, saya berharap semua pihak termasuk Ibrahim tidak mempolemikkan perkara ini," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Beliau mengulas hasrat Ibrahim yang bertegas untuk mengemukakan resolusi meminta Dr Mahathir kekal bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Ibrahim berkata, Umno bahagian Pasir Mas akan mengadakan mesyuarat agung luar biasa bagi membentangkan usul berkenaan.

Ketua Penaja Puteri Umno Kelantan, Yusnita Mohamed Yusoff, berkata semua pihak perlu menumpukan perhatian kepada mengukuhkan parti dan persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Katanya, kenyataan Ibrahim mungkin disalah tafsir sebagai mempersoalkan keupayaan Abdullah.

"Datuk Seri Abdullah sudah membuktikan kebolehannya menangani pelbagai isu dalam dan luar negara. Beliau pernah berkhidmat sebagai pegawai tinggi kerajaan, Menteri Luar dan Menteri Pendidikan.

"Sehubungan itu, saya berharap ahli Umno tidak mengeruhkan suasana peralihan kuasa nanti," katanya.

Sementara itu, Bernama melaporkan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Kelantan yang dijadualkan berlangsung di kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Kelantan, 26 Oktober ini telah ditunda.

Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja konvensyen itu, berkata konvensyen berkenaan akan diadakan selepas Aidilfitri.